



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


12 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 611 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 224,421 kes. Sebanyak 10 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Tambunan manakala masing-masing satu (1) kes di Keningau, Kota Belud, Kota Kinabalu, Nabawan dan Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 464 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 213,584 orang. Manakala 1,730 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 699 orang di hospital, 1,001 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 28 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 71 orang merangkumi 66 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 67 (35.45%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian di Sabah terus meningkat dengan pertambahan (+32) kes menjadikan jumlah kes baharu pada hari ini berjumlah (611) kes.
- b. Trend perubahan angka bagi setiap daerah adalah tidak statik, namun daerah-daerah seperti Kota Kinabalu, Kota Belud, Tuaran, Beaufort, Ranau dan Kota Marudu konsisten sebagai penyumbang kes baharu yang tinggi setiap hari.
- c. Sungguhpun berlakunya peningkatan kes harian Negeri Sabah, jumlah daerah yang mencatatkan penurunan adalah lebih banyak (13 daerah) berbanding dengan daerah yang mencatat peningkatan kes baharu (10 daerah). Empat (4) daerah lagi kekal sebagaimana kes yang dicatatkan semalam.
- d. Jumlah kes-kes sporadik atau daripada Saringan Bergejala kekal tinggi iaitu 39.8% atau 243 daripada jumlah kes harian. Kes-kes ini seringkali dikaitkan dengan kegagalan individu dalam mematuhi SOP.
- e. Hampir 97% kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 sahaja yang mana kes-kes dalam kategori ini hanya memerlukan rawatan dan pemantauan di rumah atau PKRC. Seramai empat (4) orang dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan seorang sahaja dalam Kategori 5. Sebanyak (12) kes lagi masih dalam penilaian pihak JKNS.
- f. Sekadar satu peringatan, dos penggalak (booster dose) sekarang boleh diperolehi secara percuma di pusat-pusat perubatan Kerajaan bagi mereka yang berumur 40 tahun keatas, yakni selepas 6 bulan menerima dos kedua Pfizer dan 3 bulan selepas menerima dos kedua Sinovac.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (328) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	243	39.77%
3	Kontak	328	53.68%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	40	6.54%
JUMLAH		611	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (11 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 11/11/2021	Catatan Kes 12/11/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	54	95	+41
2	Kota Belud	49	68	+19
3	Kudat	18	32	+14
4	Beluran	5	17	+12
5	Beaufort	44	52	+8
6	Ranau	41	49	+8
7	Kota Marudu	32	40	+8
8	Kinabatangan	7	15	+8
9	Putatan	13	19	+6
10	Kuala Penyu	5	8	+3
11	Tuaran	53	53	Mendatar
12	Kunak	2	2	Mendatar
13	Nabawan	1	1	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Tenom	31	17	-14
16	Sandakan	20	8	-12
17	Pitas	17	5	-12
18	Penampang	39	28	-11
19	Papar	31	20	-11
20	Tambunan	35	25	-10
21	Tongod	8	0	-8
22	Tawau	19	14	-5
23	Sipitang	16	12	-4
24	Keningau	19	16	-3
25	Lahad Datu	14	12	-2
26	Telupid	4	2	-2
27	Semporna	2	1	-1
JUMLAH		579	611	+32

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (29 Oktober – 11 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	50	39	0	6	95	910
Kota Belud	0	35	30	0	3	68	680
Tuaran	0	35	15	0	3	53	589
Beaufort	0	21	30	0	1	52	557
Ranau	0	35	12	0	2	49	589
Kota Marudu	0	24	15	0	1	40	536
Kudat	0	12	17	0	3	32	264
Penampang	0	13	13	0	2	28	378
Tambunan	0	22	3	0	0	25	291
Papar	0	8	9	0	3	20	281
Putatan	0	2	15	0	2	19	205
Tenom	0	6	9	0	2	17	300
Beluran	0	16	1	0	0	17	127
Keningau	0	7	9	0	0	16	261
Kinabatangan	0	13	2	0	0	15	180
Tawau	0	7	5	0	2	14	236
Sipitang	0	2	10	0	0	12	126
Lahad Datu	0	2	3	0	7	12	191
Sandakan	0	6	2	0	0	8	190
Kuala Penyu	0	5	3	0	0	8	83
Pitas	0	4	0	0	1	5	213
Telupid	0	2	0	0	0	2	126
Kunak	0	1	1	0	0	2	28
Semporna	0	0	0	0	1	1	28
Nabawan	0	0	0	0	1	1	45
Tongod	0	0	0	0	0	0	36
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	5
JUMLAH	0	328	243	0	40	611	7,455

- 6 Tiada **Kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 5,986 unit
- Hospital 1,777 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,719 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 28.90%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 12 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	601
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	9
Jumlah	611

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	598
Bukan Malaysia	13
Jumlah	611

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	129
Belum Menerima Vaksin	94
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	384
Jumlah	611

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	53
6 to 11	73
12 to 17	35
18 to 25	72
26 to 59	314
>60	61
Jumlah	611

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 11 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 7,114 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,016 orang adalah penduduk dewasa dan 1,098 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 11 November 2021 adalah seramai 2,433,108 orang. Ini meliputi 2,101,635 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.19% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,370,244 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,072,134 orang atau 75.12% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,473 orang atau 76.38% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 298,110 atau 68.69% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **676,544** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,241 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 51 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 158 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 993 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di Kinabatangan.
 - iii Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 396 Premis Perniagaan melibatkan 216 anggota APM. Sebanyak enam (6) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 45 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 83 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Penampang	98.5%
2	Tawau	98.5%
3	Kota Kinabalu	98.5%
4	Sandakan	98.5%
5	Tuaran	98.5%
6	Lahad Datu	98.5%
7	Kinabatangan	98.5%
8	Keningau	98.5%
9	Semporna	98.5%
10	Sipitang	98.5%
11	Tenom	98.5%
12	Ranau	98.5%
13	Kunak	98.5%
14	Beaufort	98.5%
15	Beluran	98.5%
16	Kota Marudu	98%
17	Papar	98%
18	Kudat	98%
19	Kota Belud	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**